



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4  
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500

Faks : 03-5510 2133

Laman Web : [jps Selangor.moe.gov.my](http://jps Selangor.moe.gov.my)

Rujukan Kami : JPNS.SPM 600-3/5/19 Jld. 50 (69)  
Tarikh : 30 April 2024

Norhana Hamim  
Pengarah  
Jabatan Program  
Petrosains, The Discovery Centre  
Petrosains Sdn. Bhd.  
Level 4, Suria KLCC  
PETRONAS Twin Towers  
50088 Kuala Lumpur

Puan,

### MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bernombor rujukan PSB/LSC/LDO/43.2.1/24/031 bertarikh 15 April 2024 dirujuk dan surat daripada pihak Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia bernombor rujukan KPM 600-12/1/4 Jld.50 (69) bertarikh 1 April 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas dan mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor mengambil maklum perkara tersebut dan **tiada halangan** kepada pihak Petrosains bagi penganjuran Program Petrosains RBTX Challenge 2024 Anjuran Petrosains Sdn. Bhd. bermula 1 Mei 2024 hingga 27 Oktober 2024. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7.1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :

- 3.1 pihak pengajur hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak pengetua/guru besar sekolah yang berkenaan setelah mendapat maklum balas dari JPN dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua atau guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/ penjaga;
- 3.4 pihak pengajur hendaklah memastikan guru dan murid yang bergejala tidak menyertai aktiviti secara bersemuka;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.**

JPNS.SPM.600-3/5/19 Jld. 18 (42)

Tarikh : 30 April 2024

- 3.5 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.6 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak yang berkenaan;
- 3.7 pelibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- 3.8 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;
- 3.9 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan JPN dan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.10 sekiranya cuaca ekstrim seperti panas terik, hujan lebat, petir atau angin kencang, pihak penganjur perlu menangguhkan atau membatalkan aktiviti pada hari tersebut dan pastikan murid berlindung di tempat yang selamat;
- 3.11 pihak penganjur hendaklah memastikan tiada sebarang aktiviti, program atau mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima;
- 3.12 penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya suhu lebih 35°C dan IPU melebihi 100;
- 3.13 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.14 pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 3.15 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.**

JPNS.SPM.600-3/5/19 Jld.18 (42)

Tarikh : 30 April 2024

- 3.16 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat. (SPI Bil.5/2018);
- 3.17 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.18 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.19 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 3.20 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integrity, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain);
- 3.21 bagi tujuan **pengiktirafan program**, pihak pengajur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti lampiran A)** kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Selangor** tidak lebih dari **30 hari selepas tamat program;**
- 3.22 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima seperti lampiran B)** kepada pihak JPN Selangor dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.**

JPNS.SPM.600-3/5/19 Jld. 18 ( 42 )

Tarikh 30 April 2024

- 3.23 JPN Selangor berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk pihak **Petrosains** bagi penganjuran Program **Petrosains RBTX Challenge 2024 Anjuran Petrosains Sdn. Bhd.** Bermula **1 Mei 2024** hingga **27 Oktober 2024**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi **Puan Noorzihan binti Samah**, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melalui talian **03-55138242** atau e-mel: **noorzihan.samah@moe.gov.my**.

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD AZUAN BIN MOHD NAWAWI)**

Timbalan Pengarah  
Sektor Pengurusan Sekolah  
b.p. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

s.k. - Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor

**LAMPIRAN B**

**CONTOH SURAT SETUJU TERIMA**

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4  
40604 Shah Alam,  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
(U.P. : Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM (NAMA PROGRAM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bernombor rujukan XXXXXXXX bertarikh XXXXXX adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan / menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan / tajaan program / aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.23 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Pelibatan Murid dalam (nama program) mulai XXXXX hingga XXXXX.

3. Pihak (nama agensi penganjur) akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dilaksanakan kepada JPN Selangor **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai) di talian (nombor telefon bimbit) atau (e-mel).

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....  
(nama )  
Jawatan

**LAMPIRAN A**

**LAPORAN  
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)**

- 1.0 Nama Aktiviti / Program :  
 2.0 Tarikh Pelaksanaan :  
 3.0 Mod Pelaksanaan :  
 4.0 Penyertaan (Jantina/Bangsa) :

BIL.	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	PERINGKAT : DAERAH / NEGERI / KEBANGSAAN / ANTARABANGSA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti :  
 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan : (\*\*\*)  
 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) : (\*\*\*)  
 8.0 Pemenang : (\*\*\*)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama Murid	ID Murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan Cabaran :  
 10.0 Elemen 'Human Governance' yang dilaksanakan:  
 11.0 Cadangan penambahbaikan :  
 12.0 Gambar :

Disediakan oleh :

Tarikh :

Rujukan Kami: PSB/LSC/LDO/43.2.1/24/031

15 April 2024



Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu BOL 4/3E  
Seksyen 4  
40604 Shah Alam  
**Selangor**

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN, SOKONGAN & HEBAHAN UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM  
'PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024' BAGI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH  
MALAYSIA**


Salam mesra daripada Petrosains!

Pada tahun 2023, menerusi program Petrosains RBTX Challenge, Petrosains telah menjangkau lebih 16,000 peserta secara fizikal dan atas talian melalui pelbagai program berkaitan seperti bengkel robotik dan pameran inovasi STEM. Petrosains juga telah menerima anugerah "Most Participants in a Robotic Interactive Learning Event 2023" oleh Malaysia Book of Records untuk tahun kedua berturut-turut. Pastinya kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu daripada pihak UKK khasnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia amnya. Kerjasama strategik bersama rakan industri dan pensyarah robotik dari universiti- universiti ternama di seluruh negara akan terus diperkuuh untuk edisi kali ini.

Merujuk perkara di atas, Petrosains dalam usaha berterusan menyokong saranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan pemahaman di dalam bidang STEM selaras dengan sasaran Revolusi Industri 4.0 (4IR), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 dan teras Daya Cipta di dalam kerangka Malaysia MADANI, Petrosains akan menganjurkan program Petrosains RBTX Challenge 2024 yang dilihat dapat membantu mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan 4IR bagi mempercepat inovasi dan penerimangunaan teknologi 4IR. Hasrat ini telah dimaklumkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian dan mendapat sokongan menerusi surat bernombor rujukan KPM.600-12/1/4 Jld.50(69).

Selaras dengan perkara 3.1 pihak Petrosains dengan berbesar hati memohon jasa baik pihak tuan agar dapat memberi kebenaran pelaksanaan program, menyokong serta membuat hebahan kepada semua murid dan guru dari sekolah seluruh Malaysia.

Petrosains, The Discovery Centre®  
Level 4, Suria KLCC, PETRONAS Twin Towers, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Enquiries / Ticket Reservations: +60 (3) 2331 8181



Untuk makluman tuan, pendaftaran penyertaan dalam semua kategori pertandingan Petrosains RBTX Challenge 2024 adalah percuma dan segala kos yang terlibat sepanjang penglibatan dalam program ini adalah di bawah tanggungan para peserta sepenuhnya. Sijil penyertaan, sijil pencapaian dan mata PAJSK dan SPLKPM akan diberikan kepada para murid dan guru yang menyertai program-program Petrosains RBTX Challenge 2024.

Sehubungan dengan itu, pihak Petrosains bercadang untuk mengadakan satu mesyuarat libat urus bersama dengan pihak tuan dan pegawai STEM Jabatan Pendidikan Negeri bagi berkongsi dengan lebih jelas mengenai program Petrosains RBTX Challenge 2024. Mesyuarat ini juga adalah sebagai platform untuk membincangkan langkah seterusnya dalam memastikan keberkesanan serta kelangsungan program tersebut. Berikut adalah cadangan tarikh mesyuarat untuk rujukan pihak tuan:-

<b>Tarikh</b>	<b>: 24 April 2024, Rabu</b>
<b>Masa</b>	<b>: 2:00 petang – 4:30 petang</b>
<b>Tempat</b>	<b>: Petrosains, The Discovery Centre, Suria KLCC</b>

Bersama-sama dengan surat ini dilampirkan kertas kerja program Petrosains RBTX Challenge 2024 untuk rujukan pihak tuan dan surat sokongan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian. Semoga usahasama ini dapat memberikan manfaat serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan para murid dan guru khususnya dalam bidang robotik dan teknologi 4IR.

Sekiranya pihak tuan memerlukan keterangan lanjut, sukacita kiranya dapat menghubungi:

<b>Pn. Nor Hamizah Bt Rosnan</b>	: 012-717 0219 / <a href="mailto:nor_hamizah@petronas.com">nor_hamizah@petronas.com</a>
<b>Pn. Nor Edayu Othman</b>	: 012-257 8665 / <a href="mailto:noredayu.othman@petronas.com">noredayu.othman@petronas.com</a>
<b>En. M Faisal B Mat Isa</b>	: 012-357 8472 / <a href="mailto:faisalisa@petronas.com">faisalisa@petronas.com</a>

Segala kerjasama yang diberikan amatlah kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,  
b/p PETROSAINS, The Discovery Center

**NORHANA HAMIM**

Pengarah  
Jabatan Pusat Pembelajaran & Satelit

NHR/ NEO

s.k:

1) Ketua Pegawai Eksekutif Petrosains Sdn. Bhd

2) YBrs. Zainuren B Hj Mohd Nor  
Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

3) Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid  
Level 4, Suria KLCC, PETRONAS Twin Towers, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Enquiries / Ticket Reservations: +60 (3) 2331 8181



Rujukan Kami: PSB/LSC/LDO/43.2.1/24/031

15 April 2024



Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu BOL 4/3E  
Seksyen 4  
40604 Shah Alam  
**Selangor**

Tuan,


**MEMOHON KEBENARAN, SOKONGAN & HEBAHAN UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM  
'PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024' BAGI SEKOLAH-SEKOLAH : SELURUH  
MALAYSIA**

Salam mesra daripada Petrosains!

Pada tahun 2023, menerusi program Petrosains RBTX Challenge, Petrosains telah menjangkau lebih 16,000 peserta secara fizikal dan atas talian melalui pelbagai program berkaitan seperti bengkel robotik dan pameran inovasi STEM. Petrosains juga telah menerima anugerah "Most Participants in a Robotic Interactive Learning Event 2023" oleh Malaysia Book of Records untuk tahun kedua berturut-turut. Pastinya kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu daripada pihak UKK khasnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia amnya. Kerjasama strategik bersama rakan industri dan pensyarah robotik dari universiti- universiti ternama di seluruh negara akan terus diperkujuh untuk edisi kali ini.

Merujuk perkara di atas, Petrosains dalam usaha berterusan menyokong saranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan pemahaman di dalam bidang STEM selaras dengan sasaran Revolusi Industri 4.0 (4IR), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 dan teras Daya Cipta di dalam kerangka Malaysia MADANI, Petrosains akan menganjurkan program Petrosains RBTX Challenge 2024 yang dilihat dapat membantu mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan 4IR bagi mempercepat inovasi dan penerimangunaan teknologi 4IR. Hasrat ini telah dimaklumkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian dan mendapat sokongan menerusi surat bernombor rujukan KPM.600-12/1/4 Jld.50(69).

Selaras dengan perkara 3.1 pihak Petrosains dengan berbesar hati memohon jasa baik pihak tuan agar dapat memberi kebenaran pelaksanaan program, menyokong serta membuat hebahan kepada semua murid dan guru dari sekolah seluruh Malaysia.



Untuk makluman tuan, pendaftaran penyertaan dalam semua kategori pertandingan Petrosains RBTX Challenge 2024 adalah percuma dan segala kos yang terlibat sepanjang penglibatan dalam program ini adalah di bawah tanggungan para peserta sepenuhnya. Sijil penyertaan, sijil pencapaian dan mata PAJSK dan SPLKPM akan diberikan kepada para murid dan guru yang menyertai program-program Petrosains RBTX Challenge 2024.

Sehubungan dengan itu, pihak Petrosains bercadang untuk mengadakan satu mesyuarat libat urus bersama dengan pihak tuan dan pegawai STEM Jabatan Pendidikan Negeri bagi berkongsi dengan lebih jelas mengenai program Petrosains RBTX Challenge 2024. Mesyuarat ini juga adalah sebagai platform untuk membincangkan langkah seterusnya dalam memastikan keberkesanan serta kelangsungan program tersebut. Berikut adalah cadangan tarikh mesyuarat untuk rujukan pihak tuan:-

<b>Tarikh</b>	<b>: 24 April 2024, Rabu</b>
<b>Masa</b>	<b>: 2:00 petang – 4:30 petang</b>
<b>Tempat</b>	<b>: Petrosains, The Discovery Centre, Suria KLCC</b>

Bersama-sama dengan surat ini dilampirkan kertas kerja program Petrosains RBTX Challenge 2024 untuk rujukan pihak tuan dan surat sokongan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian. Semoga usahasama ini dapat memberikan manfaat serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan para murid dan guru khususnya dalam bidang robotik dan teknologi 4IR.

Sekiranya pihak tuan memerlukan keterangan lanjut, sukacita kiranya dapat menghubungi:

<b>Pn. Nor Hamizah Bt Rosnan</b>	<b>: 012-717 0219 / <a href="mailto:nor_hamizah@petronas.com">nor_hamizah@petronas.com</a></b>
<b>Pn. Nor Edayu Othman</b>	<b>: 012-257 8665 / <a href="mailto:noredayu.othman@petronas.com">noredayu.othman@petronas.com</a></b>
<b>En. M Faisal B Mat Isa</b>	<b>: 012-357 8472 / <a href="mailto:faisalisa@petronas.com">faisalisa@petronas.com</a></b>

Segala kerjasama yang diberikan amatlah kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,  
b/p PETROSAINS, The Discovery Center

**NORHANA HAMIM**

Pengarah  
Jabatan Pusat Pembelajaran & Satelit

NHR/ NEO


s.k:

1) Ketua Pegawai Eksekutif Petrosains Sdn. Bhd

2) YBrs. Zainuren B Hj Mohd Nor  
Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

3) Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid  
Level 4, Suria KLCC, PETRONAS Twin Towers, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Enquiries / Ticket Reservations: +60 (3) 2331 8181





## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

### KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telpon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan: PSB/PRG/SPRO/43.2.1/24/011

Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld.50 (69)

Tarikh : 1 April 2024

Puan Norhana Hamim  
Pengarah  
Jabatan Program  
Petrosains, The Discovery Centre  
Petrosains Sdn. Bhd.  
Level 4, Suria KLCC  
PETRONAS Twin Towers  
**50088 Kuala Lumpur**

Puan,

### **MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak puan bertarikh 5 Mac 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta **tiada halangan** bagi penganjuran program **Petrosains RBTX Challenge 2024 pada 1 Mei hingga 27 Oktober 2024**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian puan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan, Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 Pihak pengajur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 3.6 pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.9 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 3.10 pihak pengajur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital /sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>)**.

- 3.12 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
  - 3.13 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada Pengarah BSKK, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;
  - 3.14 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima** (seperti di Lampiran B) kepada pihak BSKK dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
  - 3.15 KPM berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas pengajuran program ini hanya untuk Petrosains Sdn. Bhd. yang akan menganjurkan program **Petrosains RBTX Challenge 2024** pada **1 Mei hingga 27 Oktober 2024** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.
5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak puau boleh menghubungi **Dr. Mohd Azly bin Zakaria** di talian **03-88841017** atau e-mel **azly.zakaria@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

MAZ/KelulusanProgram2024/MyDoc



**KERTAS KONSEP  
PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024  
PERINGKAT KEBANGSAAN-  
ANTARABANGSA  
(EDISI BERSEMUKA)**

**Anjuran**  
Petrosains Sdn. Bhd.

**Dengan kerjasama**  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Petrosains dalam usaha berterusan menyokong saranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan pemahaman di dalam bidang STEM selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN 2021 - 2030), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 dan kerangka Malaysia MADANI; teras Daya Cipta dan Kemampanan. Petrosains akan meneruskan penganjuran Petrosains RBTX Challenge 2024 yang dilihat dapat membantu mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan Revolusi Industri 4.0 bagi mempercepat inovasi dan penerimugunaan teknologi.
- 1.2 Petrosains RBTX Challenge anjuran Petrosains bermula sejak tahun 2018 dan telah menjangkau penyertaan melebihi 50,000 peserta secara fizikal dan atas talian melalui pelbagai program berkaitan seperti bengkel robotik dan pameran inovasi STEM.
- 1.3 Petrosains juga julung kalinya menerima anugerah **Most Participants in a Robotic Interactive Learning Event 2022** oleh Malaysia Book of Records bagi tahun 2022 kerana berjaya meraih penyertaan melebihi 1000 pasukan dan merangkul anugerah yang sama sekali lagi pada tahun 2023 dengan penyertaan melebihi 1700 pasukan.
- 1.4 Pertandingan tahun ke-6 ini akan bermula dengan pemilihan secara dalam talian, diikuti saringan peringkat zon dan pasukan terbaik akan bertanding di peringkat kebangsaan secara bersemuka di Kuala Lumpur. Pada tahun ini kami berusaha menarik lebih ramai peserta dari luar negara yang akan meningkatkan taraf pertandingan ini ke peringkat antarabangsa.
- 1.5 Pemenang kategori Robo Sumo 3kg juga berpeluang mewakili Malaysia di dalam pertandingan **All Japan Robot Sumo Tournament 2024** yang akan diadakan di Tokyo, Jepun pada bulan Disember.

## 2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan kesedaran dan mendidik murid dan peserta tentang teknologi – teknologi penting Revolusi Industri 4.0 seperti robotik, Internet Pelbagai Benda (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kehidupan seharian.
- 2.2 Menjadikan pembelajaran STEM dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat dengan memberi peluang kepada peserta menggunakan perisian pengekodan terbuka (*open-source software*) dan pelbagai peralatan robotik tanpa had dalam meneruskan minat dalam robotik.

2.3 Membina peserta dengan kemahiran Abad ke-21 iaitu komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti (4C) yang sejajar dengan keperluan industri dan secara tidak langsung turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

### **3.0 KATEGORI PERTANDINGAN**

3.1 Terbuka kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia, pelajar dan guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan peserta luar negara kecuali pihak dari luar negara yang termasuk di dalam senarai *United Nations Security Council Sanctions* seperti di pautan laman web [Sanctions | United Nations Security Council](#).

3.2 Pertandingan ini terbahagi kepada 8 kategori seperti berikut;

Bil	Kategori	Had Umur Peserta	Peserta
1	Robo Tracer : Green Heroes	7 tahun – 12 tahun	Peserta Malaysia sahaja
2	Robo Tracer : Tech Marvels	13 tahun – 17 tahun	Peserta Malaysia sahaja
3	Robo Sumo : 1kg	7 tahun – 17 tahun	Peserta Malaysia sahaja
4	Innovation : Indigenous Culture and Technology	10 tahun – 12 tahun	Peserta Malaysia sahaja (kategori jemputan)
5	Robo Tracer : Speed Rivals	10 tahun ke atas	Terbuka kepada peserta Malaysia dan antarabangsa
6	Robo Sumo : 500g RC	7 tahun – 17 tahun	Terbuka kepada peserta Malaysia dan antarabangsa
7	Robo Sumo : 3kg	10 tahun ke atas	Terbuka kepada peserta Malaysia dan antarabangsa
8	Innovation : Net Zero Carbon Emissions (NZCE)	10 tahun ke atas	Terbuka kepada peserta Malaysia dan antarabangsa

3.3 Pemenang kategori Robo Sumo 3kg di Peringkat Kebangsaan berpeluang mewakili Malaysia di dalam pertandingan **All Japan Robot Sumo Tournament 2024** yang akan diadakan di Tokyo, Jepun pada bulan Disember.

### **4.0 MAKLUMAT PENTING**

#### **4.1 PERATURAN AM**

4.1.1 Pendaftaran adalah percuma. Tiada bayaran dikenakan bagi mana-mana kategori yang dipertandingkan.

4.1.2 Tarikh pendaftaran bermula: 1 May 2024.

- 4.1.3 Tarikh tutup pendaftaran: 31 Julai 2024.
- 4.1.4 Setiap peserta hanya boleh mendaftar satu kategori sahaja.
- 4.1.5 Keputusan panel juri adalah mutlamad.
- 4.1.6 Setiap peserta bertanggungjawab memastikan kesihatan yang baik sepanjang pertandingan.
- 4.1.7 Tiada pertukaran peserta dibenarkan selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 4.1.8 Peraturan dan syarat pertandingan tertakluk kepada setiap kategori yang akan dikemaskini di laman web rasmi Petrosains di [www.petrosains.com.my](http://www.petrosains.com.my).
- 4.1.9 Ikuti maklumat terkini berkaitan pertandingan di laman sosial media rasmi Petrosains seperti Facebook, Instagram dan TikTok.
- 4.1.10 Tentatif tarikh program sepanjang tahun disenaraikan di bawah. Tarikh sebenar akan dimaklumkan kemudian.

TENTATIF	PROGRAM	MAKLUMAT LANJUT
Mei – Julai	Bengkel robotik	<p>Bengkel 2 hari untuk pelajar dan guru bagi melengkapkan pelajar kepada pengetahuan kepada robotik.</p> <p>Jadual bengkel akan dikemaskini setelah pebincangan bersama pegawai JPN setiap negeri.</p>
Ogos – Sept	Peringkat saringan (Atas talian)	Dua kategori yang akan melalui proses pemilihan atas talian; Net Zero Carbon Emissions (NZCE) dan Speed Rivals.
	Pertandingan peringkat zon	Tiga kategori yang akan dipertandingkan di peringkat zon; Green Heroes, Tech Marvels dan Robo Sumo 1kg.
Oktober	Peringkat Kebangsaan	Pasukan yang terbaik melalui pertandingan peringkat zon dan saringan atas talian bagi semua kategori akan dipilih untuk ke peringkat akhir.
Disember	All Japan Robot Sumo Tournament 2024	Johan kategori Robo Sumo 3kg berpeluang untuk mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

## 5.0 STRUKTUR HADIAH DAN PENGIFTIRAFAN

5.1 Hadiah wang tunai berjumlah RM48,000 ditawarkan untuk ke semua kategori seperti berikut:

Pencapaian	Hadih
Johan	Wang tunai RM2,500.00 beserta medal dan sijil pencapaian
Naib Johan	Wang tunai RM1,500.00 beserta medal dan sijil pencapaian
Tempat Ketiga	Wang tunai RM1,000.00 beserta medal dan sijil pencapaian
Tempat Keempat	RM500.00 dan sijil pencapaian ;
Tempat Kelima	

5.2 Medal, Sijil Pencapaian dan Lencana Digital DELIMa akan diberikan kepada peserta/ pasukan yang berjaya memperoleh kedudukan terbaik untuk semua kategori dalam pertandingan ini.

5.3 Pengiktirafan Peringkat Antarabangsa tertakluk kepada permohonan kelulusan BSKK, KPM dalam masa 30 hari selepas peringkat akhir pertandingan.

## **6.0 HAK MILIK GAMBAR DAN VIDEO PERTANDINGAN**

Petrosains Sdn. Bhd. berhak memproses dan menggunakan data peribadi serta menyiaran sebarang gambar, foto, suara, rakaman suara/ video atau media lain yang diambil sepanjang penyertaan peserta/ pasukan dalam program ini untuk pembentukan video, penempatan di laman web Petrosains serta media lain yang digunakan oleh Petrosains atau kumpulan syarikatnya bagi tujuan hebahan atau pendidikan dan peserta/ pasukan bersetuju mengecualikan sebarang pampasan berkaitan.

## **7.0 SEKRETARIAT PROGRAM**

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi:-

Talian Umum: +603 – 23924690 atau +603 - 23317240  
Masa operasi: 10:00 pagi – 5:00 petang

**Pn. Nor Edayu binti Othman**  
Email: [noredayu.othman@petronas.com](mailto:noredayu.othman@petronas.com)  
Direct Line: +6012-2578665

**En. Mohd Faisal Isa**  
Emel: [faisalisa@petronas.com](mailto:faisalisa@petronas.com)  
Direct Line: +6012-3578472

## **8.0 TERMA PENAFIAN**

Semua hal yang tidak dinyatakan dalam kertas konsep ini atau, sebarang pengecualian mengenai pematuhan syarat-syarat pertandingan atau semua perkara di luar jangka atau mengenai tafsiran akan diputuskan oleh pihak Sekretariat Program. Keputusan panel juri adalah muktamad.

Kertas konsep **PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024** ialah hak cipta terpelihara Petrosains Sdn. Bhd. serta sah untuk tahun semasa sehingga makluman atau semakan lanjut daripada pihak Petrosains serta boleh digunakan di semua peringkat untuk pertandingan yang dianjurkan oleh Petrosains Sdn. Bhd. Penggunaan atau penyesuaian oleh mana-mana entiti di luar Kementerian Pendidikan Malaysia memerlukan kebenaran Petrosains terlebih dahulu.